

02 JAN 2001

Inggeris-Pelajar (Fokus Berita)

PELAJAR AKUI KEPERLUAN KUASAI BAHASA INGGERIS

Oleh: Zurina Yusof

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Saranan supaya pelajar-pelajar menguasai bahasa Inggeris menerima banyak pujian termasuk dari kalangan pelajar sendiri.

Para pelajar berpendapat bahawa penguasaan bahasa Inggeris adalah penting kerana ia dapat membantu mereka cemerlang dalam akademik dan kerjaya mereka kelak.

Bagaimanapun, sesetengah pelajar mendakwa bahawa guru-guru harus dipersalahkan di atas ketidakcekapan mereka dalam bahasa Inggeris.

Beberapa pelajar yang ditemui Bernama berkata penggunaan "bahasa campur" oleh guru-guru semasa mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris menyebabkan pelajar tidak berminat berkomunikasi dalam bahasa itu.

Seorang pelajar, Wan Khaliah Wan Hussain, berkata masalah itu mungkin disebabkan oleh guru-guru yang jarang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

"Puncanya mungkin disebabkan cikgu-cikgu di sekolah itu kurang berkomunikasi sangat, lagipun mereka cakap campur-campur, bahasa Inggeris, bahasa Melayu...kadang-kadang dengan pelajar Cina, mereka bertutur bahasa Cina," katanya.

Beliau mengakui kepentingan menguasai bahasa Inggeris kerana ia adalah bahasa antarabangsa.

"Saya tahu banyak orang terutama orang Melayu yang tidak tahu bertutur bahasa Inggeris. Saya rasa mereka harus tahu kepentingan bahasa ini," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sering menekankan keperluan rakyat Malaysia menguasai bahasa Inggeris.

Beliau berkata patriotik rakyat Malaysia tidak akan terjejas hanya kerana mereka menguasai bahasa Inggeris.

Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) turut mencadangkan supaya usaha meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Inggeris dijadikan sebagai agenda nasional.

Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim, baru-baru ini menyarankan supaya diwujudkan semula sekolah-sekolah aliran Inggeris bagi menyediakan asas yang kukuh untuk para pelajar menguasai bahasa itu.

Beliau menyifatkan masalah kurang fasih bahasa Inggeris berpunca daripada "kesilapan sejarah" dan berkata keazaman politik pucuk pimpinan negara diperlukan untuk mengatasi madsalah itu.

Seorang pelajar, Siti Suraidah Mazlan, berkata guru-guru juga harus dipersalahkan kerana mereka sering bertutur dalam bahasa ibunda di sekolah.

Seorang lagi pelajar Roslinda Abdul Hamid, yang mengakui kepentingan bahasa Inggeris, pula berkata banyak kelas dikendalikan dalam bahasa Melayu sedangkan buku-buku rujukan adalah dalam bahasa Inggeris.

Seorang guru Noryani Abdul Ghani bersetuju bahawa guru-guru tidak menggunakan bahasa Inggeris sebanyak mungkin yang diperlukan tetapi berkata masalah itu sebenarnya berpunca daripada kurangnya pemahaman pelajar dalam bahasa itu.

"Adalah mustahil untuk menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya kerana kebanyakan pelajar langsung tidak mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Inggeris," katanya.

"Saya faham mengapa guru-guru menggunakan bahasa Melayu semasa mengajar kerana penguasaan bahasa Inggeris pelajar adalah terlalu rendah hingga anda tidak boleh menggunakan bahasa Inggeris (sepenuhnya).

"Bahasa Inggeris adalah terlalu asing bagi mereka, dan mereka tidak

dapat memahami perkataan yang mudah, seperti gembira atau sedih. Jika mereka tidak dapat memahami perkataan-perkataan harian, bagaimana anda boleh mengajar dalam bahasa Inggeris sepenuhnya?" kata Noryani, yang mengajar bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 18 di Shah Alam.

Noryani berkata beliau mendapati pelajar Melayu agak keberatan menggunakan bahasa Inggeris berbanding kaum lain, manakala pelajar lelaki cenderung mengejek teman-teman mereka yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

ZUE ARA ES NAK